

Jangan memusuhi warga tua

TAKHTA SUCI: Para warga tua tidak boleh dituduh membebani generasi muda dengan biaya perubatan dan dana pencen mereka – inilah pemikiran yang memicu konflik antara generasi dan menyebabkan orang-orang lanjut usia diabaikan malah diasingkan, kata Sri Paus Fransiskus.

"Tuduhan bahawa orang-orang tua 'merampas masa depan kaum muda' saat ini ada di mana-mana," tulis Sri Paus Fransiskus dalam pesannya untuk Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua Sedunia, sebuah perayaan yang dianjurkan oleh Gereja Katolik yang akan berlangsung pada Julai 28 tahun ini.

Bahkan di masyarakat yang paling maju dan moden sekalipun, "pada ketika ini terpengaruh dengan kenyataan yang tersebar luas bahawa kaum tua membebani kaum muda kerana biaya perubatan dan layanan sosial yang mereka perlukan, malah akibat menanggung dana warga tua, ia dikatakan menghambat sumber daya dari pembangunan masyarakat," tulis Bapa Suci Fransiskus dalam pesan yang diterbitkan pada Mei 14.

Mentaliti seperti itu "mengandaikan bahawa kelangsungan hidup orang-orang tua membahayakan generasi muda dan memihak untuk melebihkan kaum muda maka kita perlu mengabaikan atau bahkan menekan orang-orang tua," tulisnya.

Namun Bapa Suci menekankan bahawa "konflik antara generasi adalah sebuah kekeliruan dan buah beracun dari konflik."

"Mencipta permusuhan antara generasi muda dengan generasi tua adalah bentuk manipulasi yang tidak dapat diterima," tulisnya.

Pesan Sri Paus diperluas pada tema yang dipilih untuk hari sedunia tahun ini yang diambil dari Kitab Mazmur: "Jangan membuang aku pada usia tuaku."

Pada tahun ini, ia merupakan kali keempat Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua Sedunia.

Pada tahun 2021, Sri Paus Fransiskus menetapkan hari sedunia yang diperingati setiap tahun pada Hari Minggu keempat bulan Julai, dekat dengan pengingatan Sto Yoakim dan Sta Anna, datuk dan nenek Yesus.

Dalam pesannya untuk perayaan tahun ini, Sri Paus Fransiskus menekankan bahawa "Tuhan tidak pernah meninggalkan anak-anak-Nya," bahkan ketika mereka menjadi lemah dan "dapat mengambil risiko terlihat tidak berguna."

Namun pada ketika ini, "konspirasi seputar kehidupan para tua" seringkali mengakibatkan mereka ditinggalkan oleh orang-orang terdekat mereka.

"Kesepian dan pengabaian para tua bukan terjadi secara kebetulan atau tidak dapat dihindari, namun merupakan buah dari keputusan – keputusan politik, ekonomi, sosial dan pribadi – yang gagal mengakui martabat tak terbatas setiap orang," tulisnya.

Bapa Suci menjelaskan bahawa fenomena seperti itu terjadi "semasa kita melupakan nilai setiap individu dan orang-orang kemudian



"Jangan membuang aku pada usia tuaku" tema Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua Sedunia yang bakal dirayakan pada Julai 28, 2024.

dinilai berdasarkan nilai yang harus mereka bayar, yang dalam beberapa kes dianggap terlalu tinggi untuk dibayar."

Malangnya, ada pemikiran yang mengolompokkan warga tua dalam golongan untung-rugi; "Warga tua dianggap sebagai beban dan merasa bahawa mereka harus menjadi orang pertama yang disingkirkan."

Bapa Suci, mengidentifikasi kemunduran struktur komunal dalam masyarakat dan meluasnya perayaan individualisme sebagai faktor-faktor lain di sebalik isolasi golongan tua, "namun begitu kita bertambah tua dan kekuatan kita mulai menurun, muncullah ilusi individualisme, bahawa kita tidak memerlukan siapa pun dan dapat hidup tanpa ikatan sosial."

Sri Paus kemudian menceritakan kisah Alkitab di mana Naomi yang sudah tua mendorong kedua-dua menantu perempuannya untuk kembali ke kampung halaman mereka setelah kematian suami dan anak-anaknya

kerana dia melihat dirinya sebagai beban bagi mereka.

"Kata-kata Naomi mencerminkan konvensi sosial dan agama yang kaku pada zamannya, yang tampaknya menentukan nasibnya sendiri," tulis Sri Paus Fransiskus.

Semasa menantu Naomi, Orpah kembali ke kampung halaman, Ruth, salah seorang menantu Naomi, berterima kasih atas dorongan yang diberikan oleh Naomi. Dia tidak takut untuk menentang adat istiadat dan pola fikir masyarakat pada ketika itu dengan dengan berani tetap berada di sisin ibu mertuanya."

Sri Paus mendorong semua orang untuk "mengungkapkan rasa terima kasih kita kepada semua orang yang, sering kali dengan pengorbanan besar, mengikuti teladan Ruth, ketika mereka merawat orang tua atau sekadar menunjukkan kedekatan sehari-hari dengan kerabat atau kenalan yang tidak lagi memiliki siapa pun." — *media Vatikan*

Sri Paus himpun datuk bandar dan pakar bicara daya tahan iklim

ROMA: Akademi Sains dan Sains Sosial Kepausan menganjurkan sidang kemuncak tiga hari di Vatikan yang menghimpunkan datuk bandar, gabenor dan pakar untuk meneroka tema: "Dari Krisis Iklim kepada Ketahanan Iklim."

Sri Paus Fransiskus mengadakan pertemuan dengan peserta dalam sidang kemuncak pada Mei 16 iaitu hari kedua acara itu.

Dalam ucapannya, Sri Paus mengeluh kerana laporan dan data yang semakin buruk mengenai perubahan iklim. Prelatus itu menyeru tindakan segera "bagi melindungi manusia dan alam semula jadi."

Memandangkan negara membangun lebih menderita akibat perubahan iklim

secara langsung, Sri Paus mendesak para pemimpin politik dari pelbagai negara sama ada kita "bekerja untuk budaya hidup atau untuk budaya kematian?"

"Negara yang lebih kaya yang mempunyai sekitar satu bilion orang, menghasilkan lebih separuh daripada bahan pencemar yang memerangkap haba. Sebaliknya, tiga bilion orang miskin menyumbang kurang daripada 10%, namun mereka mengalami 75% daripada kerosakan yang dihasilkan oleh negara-negara kaya." Daripada mangsa krisis iklim kepada agen perubahan, Sri Paus Fransiskus mengingatkan bahawa kemusnahan

alam sekitar adalah "satu kesalahan terhadap Tuhan" dan "dosa struktur" yang membahayakan semua orang.

"Kita berdepan dengan cabaran sistemik yang berbeza namun saling berkaitan: perubahan iklim, kehilangan biodiversiti, kerosakan alam sekitar, ketaksamaan global, kekurangan jaminan makanan dan ancaman terhadap maruah rakyat yang terjejas," katanya.

Setiap isu ini, harus ditangani dengan segera dan secara kolektif untuk melindungi golongan miskin di dunia, terutamanya wanita dan kanak-kanak, yang menanggung beban yang tidak seimbang.

Bapa Suci juga menekankan keperluan

untuk "mengurangkan lengkungan pemanasan global" dengan mengurangkan separuh kadar pemanasan dalam tempoh 25 tahun akan datang.

Akhirnya, beliau menggesa penggubal dasar untuk memanfaatkan kuasa penjana semula alam semula jadi untuk mengurangkan kepekatan karbon dioksida dari atmosfera.

Pada akhir ucapannya, Sri Paus Fransiskus menyeru usaha untuk mewujudkan sinergi dan perpaduan global, serta "seni bina kewangan baharu," untuk bertindak balas terhadap keperluan negara-negara dan pulau yang terjejas akibat kecemasan iklim. — *CNA*

Berkat pemergian

Apakah maksud “Kenaikan Tuhan”? Kenaikan Tuhan adalah peristiwa dalam kehidupan Yesus dan murid-murid pertama-Nya, ia adalah perayaan untuk orang Kristian, teologi dan kerohanian, semuanya dijalin bersama menjadi satu misteri yang jarang cuba kita bongkar dan selidiki. Apakah maksud Kenaikan Tuhan yang sebenarnya?

Antara lain, ia adalah misteri yang ada elemen paradoks. Inilah paradoksnya: ada hadiah yang memberi kehidupan yang indah, ada berkat apabila seseorang yang memasuki hidup kita, menyentuh kita, mengasuh kita, melakukan perkara yang membina kita, dan memberikan kehidupan untuk kita.

Tetapi ada juga hadiah yang berupa ucapan selamat tinggal! Ada juga hadiah pelik iaitu seseorang berpindah dan meninggalkan kita.

Namun sebenarnya, biarpun orang itu tiada, pergi meninggalkan kita, dia tetap hadir dalam cara tersendiri. Ada rahmat yang memberkati kita hanya apabila seseorang atau kita yang pergi.

Itulah sebabnya Yesus, ketika mengucapkan selamat tinggal kepada rakan-rakan-Nya sebelum kenaikan-Nya ke syurga mengucapkan kata-kata ini: “Lebih baik bagi kamu, jika Aku pergi. Anda akan sedih sekarang, tetapi kesedihan anda akan bertukar menjadi kegembiraan. Jangan berpaut pada-Ku, Aku mesti pergi.”

Bagaimanakah kita dapat memahami kata-kata Yesus itu?

Bagaimana mungkin adalah lebih baik jika orang yang kita sayang pergi? Bagaimana mungkin perpisahan yang menyedihkan itu boleh menjadi berkat dan kegembiraan?

Bagaimana mungkin ucapan selamat tinggal boleh membawa kita lebih menghargai kehadiran seseorang?

Ini sukar untuk dijelaskan, walaupun kita mempunyai pengalaman ini dalam hidup

kita. Contohnya: Ketika saya berumur dua puluh dua tahun, dalam tempoh empat bulan, ayah dan ibu saya meninggal dunia, kedua-duanya masih muda.

Bagi saya dan adik-beradik, keperitan selepas kematian ibu bapa kami amat pedih. Pada mulanya, seperti mereka yang pernah mengalami kehilangan besar, apa yang kami rasakan ialah kesakitan, hubungan yang terputus, dingin, ketidakberdayaan, lemah, kehilangan erti kehidupan yang penting dan sifat kejam kematian ialah, tidak ada persediaan yang mencukupi.

Pada mulanya, tiada apa-apa yang hangat, setelah kehilangan seseorang. Tiada kehilangan, kematian atau selamat tinggal yang tidak menyakitkan.

Masa: adalah penyembuh yang hebat, tetapi ada sesuatu yang lebih mendalam daripada sekadar fakta bahawa kita menjadi normal kembali mengikut peredaran masa.

Selepas beberapa ketika dan bagi saya dalam menghadapi kematian ibu bapa, ia mengambil masa beberapa tahun.

Selepas beberapa tahun, saya tidak berasa kesedihan yang amat mendalam lagi.

Kematian ibu bapa saya bukan lagi perkara yang menyakitkan. Sebaliknya ketiadaan mereka berubah menjadi kehadiran yang hangat. Setelah bersedih dalam tempoh lama, ia memberi laluan kepada jiwa untuk menjadi 'ringan'.

Ketidakupayaan untuk berbicara sebelum ini, kini berubah menjadi cara baharu yang mengejutkan.

Kenangan kehadiran ibu bapa saya telah menyebabkan saya meneruskan hidup dengan mantap dan berkat kehidupan mereka semasa hidup, meresapi dalam peribadi dan jiwa serta tidak boleh ditarik balik.

Perkara yang sama berlaku di kalangan adik-beradik saya.

Kesedihan kami bertukar menjadi kegembiraan dan kami mula menemui ibu

bapa kami semula dengan cara yang lebih dalam.

Kami menemui mereka di lubuk jiwa kami yang terdalam. Kami menemui mereka di tempat-tempat di mana semangat yang tiupi dalam hati dan minda kami.

Mereka telah pergi dan kami menjadi lebih baik dan matang selepas itu.

Saya yakin, anda juga mempunyai pengalaman seperti ini dengan kerap, hanya dengan cara yang kurang dramatik.

Ibu bapa, sebagai contoh, mereka selalu mengalami kehilangan misalnya seorang anak membesar dan akhirnya pergi untuk memulakan hidup sendiri.

Dalam kematian sebenar, kenaikan mesti berlaku. Cara perhubungan lama mesti mati, menyakitkan seperti kematian itu. Namun, seperti yang kita tahu, lebih baik anak-anak kita pergi.

Perkara yang sama berlaku di mana-mana dalam kehidupan. Apabila kita melawat seseorang, adalah penting untuk kita datang; ia juga penting untuk kita pergi. Kepergian kita, walaupun menyakitkan, adalah sebahagian daripada hadiah lawatan itu. Kepergian kita dapat memberi berkat semasa ketiadaan kita.

Tetapi jangan keliru dengan pepatah: Ketiadaan membuat hati bertambah sayang. Untuk sebahagian besar, itu tidak benar. Ketiadaan membuat hati bertambah sayang, tetapi hanya untuk seketika dan kebanyakannya atas sebab yang salah.

Dua fizikal yang berjauhan, tanpa dinamik semangat, tidak membawa banyak erti. Pada akhirnya, kebanyakan masa, kita berkembang berasingan. Itu tidak seperti kenaikan Yesus ke syurga yang memperdalam keintiman, kehadiran dan berkat.

Kenaikan memperdalam keintiman dengan memberi kita kehadiran baharu, lebih dalam, lebih kaya, tetapi ia berlaku jika kehadiran yang dahulu, harus pergi.

Mungkin kita lebih memahami perkara ini dalam pengalaman yang kita alami apa-



Gambar ilustrasi: Pemergian orang tersayang amat menyakitkan tetapi relakan pemergian itu kerana pemergian itu dapat memberi berkat semasa ketiadaan mereka.

bila anak-anak kita membesar dan meninggalkan rumah.

Sedih melihat mereka menjauhi kita. Sungguh menyakitkan untuk mengucapkan selamat tinggal. Lagi menyakitkan untuk membiarkan seseorang itu pergi meninggalkan kita selama-lamanya.

Tetapi, jika mereka boleh mengatakan apa yang difikirkan oleh hati mereka, mereka akan mengatakan seperti apa yang Yesus katakan sebelum kenaikan-Nya: “Lebih baik bagi kamu jika Aku pergi. Akan ada kesedihan sekarang, tetapi kesedihan itu akan bertukar menjadi kegembiraan apabila, suatu hari nanti, Aku akan berdiri di hadapan kamu sebagai anak lelaki atau perempuan dewasa yang dapat memberi anda hadiah lebih besar! — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

Semangat Tritunggal dalam pelayanan

Dalam Injil yang singkat hari ini, Matius menceritakan bahawa Yesus yang telah bangkit di Yerusalem menampakkan diri kepada murid-murid-Nya di Galilea.

Pada kesempatan itu Yesus mengutus mereka menjadikan semua bangsa murid-Nya.

Dan untuk menjadi murid-Nya semua orang harus dibaptis dalam nama Bapa, Putera dan Roh Kudus, dan melaksanakan segala perintah-Nya. Yesus juga menambah pada sabda-Nya, “Aku menyertai kamu senantiasa sampai akhir zaman” (Mat 28:20).

Dalam merayakan hari raya Tritunggal Mahakudus ini kita mendengar Paulus dalam pembacaan kedua, yang mengatakan bahawa kerana berkat Roh, kita dapat menyebut Tuhan sebagai “Abba”, Bapa, dan bersatu dengan Kristus, Putera Tuhan, malah kita juga menjadi ahli waris Tuhan.

Injil Matius hari ini juga menyebut juga tiga peribadi Tuhan: Bapa, Putera dan Roh Kudus.

Kita semua yang sudah dibaptis dalam nama Tritunggal dan bersatu dalam ikatan Tuhan Tritunggal itu.

Ajaran (dogma) Gereja tentang Tritunggal sejak awal sampai sekarang hanya dapat kita terima dengan iman/

kepercayaan bukan dengan pengetahuan. Merayakan Misteri Tritunggal ini kita diingatkan dan patut bersyukur kepada Tuhan, sebab sejak dibaptis kita dapat mengalami kasih Tuhan dan bimbingan Roh-Nya seperti yang dapat kita alami dalam kasih Kristus Putera-Nya. Ketiga, Peribadi Tuhan itu hadir dan bekerja di dalam hidup diri kita masing-masing:

- Kita memandang Tuhan Bapa sebagai Pencipta, yang memanggil kita turut serta mengambil bahagian dalam cintakasih penyelenggaraan-Nya. Kita dijadikan putera-puteri-Nya.

- Kita memandang Tuhan Putera sebagai gambaran Tuhan yang paling nyata dan tampak. Yesus Kristus, Putera Tuhan yang datang di tengah-tengah kita, ikut serta mengalami dan merasakan nasib kita sebagai manusia. Dialah yang mewartakan dan mewujudkan rahsia penyelamatan, yang diselenggarakan oleh Tuhan Bapa bagi kita semua. Dan melalui Dia pula kita dapat mengambil bahagian dalam kehidupan Tritunggal.

- Kita memandang Roh Kudus sebagai karunia kasih antara Tuhan Bapa dan Putera.

Roh ini melalui Kristus datang dan hidup di dalam Gereja-Nya, dan di dalam peribadi setiap peribadi anggota Gereja-

Nya itu. Roh inilah yang membimbing cara dan arah hidup kita seperti diteladani oleh Yesus.

Dengan demikian kita dapat menempuh jalan hidup kita, penuh kasih yang benar menuju kehidupan kekal.

Dengan demikian kita tidak perlu dan tidak mungkin ingin memahami sepenuhnya rahsia Tritunggal Mahakudus.

Lebih tepat, kita semua seharusnya mengucapkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Tuhan: Bapa, Putera dan Roh Kudus, kerana dalam kasih-Nya, senantiasa menyertai langkah hidup kita, sama ada apabila kita mengalami masa sukar, mahupun bila berasa gembira dan bahagia dalam hidup.

Bagaimana itu dapat kita laksanakan? Pada dasarnya sebenarnya jelas dan pasti: Mari kita bersikap, berfikir, hidup dan bertindak sesuai dengan ajaran dan perintah Tuhan Tritunggal, seperti diajarkan dan dilaksanakan oleh Yesus sendiri sebagai Putera Tuhan tanpa syarat!

Bila ini kita lakukan, kita sebenarnya melaksanakan tugas pewartaan/misi yang diberikan Yesus kepada murid-murid-Nya, sehingga makin banyak orang percaya kepada-Nya dan diselamatkan.

Terpujilah Tritunggal Mahakudus selama-lamanya.

Tritunggal Maha Kudus mungkin me-

**HARI MINGGU
TRITUNGGAL
MAHA KUDUS
(TAHUN B)**

ULANGAN 4:323-34.39-40

ROMA 8:14-17

INJIL MATIUS 28:16-20

rupakan teka teki yang terselubung di dalam misteri, namun terdapat kunci iaitu persahabatan, yang mana bukan hanya dapat membuka sedikit misteri tersebut, tetapi juga dapat membantu kita untuk mencipta dunia yang semakin bersahabat.

Apa yang penting kita lakukan adalah menghidupi semangat Tritunggal Maha Kudus tersebut.

Dengan kata lain, kita menjadikannya sebagai gaya hidup baik sebagai seorang peribadi, keluarga mahupun sebagai komuniti di mana pun kita berada.

Semoga hari Minggu Tritunggal Maha Kudus ini memberi kita semangat untuk menyatakan iman dengan minda, cinta kasih dengan hati dan pelayanan dengan tangan kita atas nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen! — *Mmgr F.X Hadisumarta O.Carm*



Sipitang, tuan rumah ulang tahun Keuskupan Keningau ke-31

SIPITANG: Buat kali ketiga, Gereja Santo Yohanes Pembaptis Sipitang telah diberikan amanah pada Mei 1 selaku tuan rumah kepada sambutan tiga dalam satu iaitu perayaan Ulang tahun (UTK) ke 31 Keuskupan Keningau, Ulang tahun Episkopal Uskup Cornelius Piong dan juga pesta Kaamatan peringkat Keuskupan Keningau.

Lebih tiga ribu umat membanjiri perkarangan Gereja untuk menyambut perayaan tahunan bertema “Umat Tuhan Berjalan Bersama, Membangun Umat Yang Bersifat Komuniti, Bersikap Ambil Peduli dan Setia Bersaksi Bagi Kristus.”

Misa Kudus dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong. Turut membantu prelatus

itu ialah Uskup Julius Dusin Gitom dari Sandakan dan para klerus dari Keuskupan Keningau.

Ketika menyampaikan homilinya, Uskup Cornelius menimbas kembali semasa perayaan UTK ke-25, beliau tertanya-tanya apa yang harus dilakukan lagi bagi memastikan hasrat umat berjalan itu terus berlaku. Dalam menjawab persoalan tersebut, prelatus itu mendapat inspirasi dari doa Yesus kepada Bapa untuk para murid-Nya (Yoh 17: 11-19) yang mengandungi tiga isi penting iaitu:

- Doa Yesus mereka agar para pengikut-Nya bersatu sama seperti kesatuan-Nya dan Bapa serta Roh kudus.

- Perlindungan dari si jahat
- Agar kita semua hidup dalam kekudusan.

“Inilah tiga hal penting dari doa Yesus kepada para murid-Nya. Tanpa mengira siapa pun kita, sama ada kita paderi, religius mahupun umat awam, kita harus benar-benar menjadi alat atau saluran cintakasih Yesus di mana pun kita berada. Dan melalui cara inilah, perjalanan iman kita bersama diteruskan dan dihayati sebagai semangat komuniti,” ujar Uskup Cornelius Piong.

Sementara itu, paderi paroki Sipitang, Fr Ronnie Alfred Luni dalam ucapannya bersyukur kerana sambutan UTK-31, setelah melalui fasa persiapan yang panjang, ber-

langsung dengan meriah.

Pada penghujung perayaan Misa Kudus, Uskup Cornelius telah menyempurnakan simbolik perasmian perayaan tiga dalam satu dengan menuai padi matang serta turut mengumumkan paroki St Theresa Tambunan sebagai tuan rumah bagi perayaan UTK Ke-32 pada tahun hadapan.

Ini diikuti dengan penyerahan mandat pelaksanaan UTK-32 oleh Pengerusi Pelaksana UTK-31, Sdra Aloysius Guani kepada pengerusi Majlis Pastoral Paroki St Theresa, Tambunan.

Perayaan kesyukuran ini selesai tepat jam 6.00 petang dengan doa penutup dipimpin oleh Fr Ronnie Alfred Luni — **JRD**

Belajar dari perjuangan Sto Yosef

PLENTONG, Johor: Pada 1 Mei, Gereja Santo Yosef di Plentong, Johor, merayakan perayaan Santo Pelindungnya, Sto Yosef.

Pada hari itu, patung Santo Yosef dihiasi dengan indah manakala umat menawarkan bunga dan lilin untuk memohon bantuannya.

Sambutan dimulakan dengan doa rosari pada pukul 8.00 pagi, diikuti Misa dalam pelbagai bahasa dan Pentakhtaan Ekaristi pada pukul 9.00 pagi.

Semasa Misa, paderi paroki Fr Moses Yap OFM menjelaskan petikan dalam Kitab Kejadian bahawa kita diseru untuk membawa imej Tuhan dalam tindakan serta perkataan kita sehari-hari.

Fr Moses juga menyentuh petikan dalam surat Rasul Paulus kepada jemaat di Kolose bahawa doa adalah salah satu cara untuk menyalurkan, menerima damai dan rahmat daripada Kristus.

Bersempena bulan Mei yang didedikasikan untuk Bunda Maria, paderi paroki menggalakkan umat beriman untuk berdoa rosari setiap hari.

Beliau juga menyebut beberapa pesan dari Fatima bahawa kita harus berdoa rosari setiap hari untuk perlindungan dan rahmat Tuhan.

Rosari adalah senjata kuat untuk melawan kejahatan dan membawa kita dekat dengan cinta Ilahi.

Paderi paroki juga menjelaskan tentang Santo Yosef, yang taat kepada kehendak Tuhan dan menamakan kanak-kanak itu Yesus.

Dengan berbuat demikian, Santo Yosef menjadi bapa sah Yesus dan memenuhi peranan kebapaan terhadap Yesus semasa Dia melayani di dunia.

Ini harus menjadi peringatan kepada semua bapa Katolik bahawa mereka adalah katekis pertama bagi anak-anak mereka.

Selepas Misa, diadakan majlis persaudaraan atau fellowship yang bertujuan mempererat lagi semangat persaudaraan antara sesama.



Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
Email:
liza@herald.com.my

Mengapa Maria dikatakan dikandung tanpa dosa?

Soalan: Mengapa Gereja mengajarkan bahawa Maria dikandung tanpa noda dosa, padahal dalam Roma 3:23 dikatakan bahawa “semua orang telah berbuat dosa dan kehilangan kemuliaan Tuhan”? Siapa yang dimaksudkan dengan “semua” dalam petikan tersebut?

Jawaban: Pertama, perlu dibezakan terlebih dahulu antara dosa asal dan dosa peribadi. Dogma tentang Maria dikandung tanpa noda dosa, yang dinyatakan secara *ex-cathedra* oleh Sri Paus Pius IX pada Disember 8, 1854, berbicara tentang dosa asal.

Dalam petikan Roma 3:23, ia berbicara bukan tentang dosa asal, tetapi tentang dosa peribadi. Pertanyaan Paulus tersebut mencampur-adukkan antara dosa asal dan dosa peribadi.

Kedua, berbicara tentang dosa asal, dogma tentang Maria adalah bertentangan dengan pernyataan Paulus pada Roma 5:12.18-19 (bukan Rom 3:23!) bahawa semua orang mewarisi dosa Adam.

Dogma itu menyatakan bahawa semua orang seharusnya terkena dosa asal, tetapi dalam hal peribadi Bunda Maria, sangat dosa asal tidak pernah menyentuhnya, sejak saat pertama keberadaannya di dunia ini.

Maria dibebaskan bukan hanya dari sangat dosa asal, tetapi juga akibat dari dosa asal. Terbebasnya Maria bukan kerana pahala atau kekuatan Maria sendiri, tetapi kerana pahala yang masih akan dihasilkan oleh Yesus dalam misteri Paskah-Nya.

Dalam hal ini, muncul pula pertanyaan, apa

maksudnya, “semua orang terkena dosa asal” namun ternyata bahawa dalam dogma tentang Maria, Perawan Maria dinyatakan bebas dari sangat dosa asal.

Ketiga, berkaitan dengan dosa peribadi, Gereja mengajarkan bahawa Maria tetap suci sampai akhir hidupnya. Dalam hal fikiran, perkataan, perbuatan, dan kelalaian, Maria terbebas dari dosa sampai akhir hidupnya.

Jadi, dosa peribadi juga tidak pernah mengenai peribadi Maria. Maria terbebas dari semua dosa peribadi.

Ajaran tentang kesucian Maria inilah yang bertentangan dengan pernyataan Paulus pada Roma 3:23, bahawa “semua orang telah berbuat dosa dan kehilangan kemuliaan Tuhan.” Kata “semua” dalam petikan itu sebenarnya tidak merujuk kepada Bunda Maria.

Keempat, dalam surat-suratnya, Paulus seringkali menggunakan kata “semua”. Kata “semua” dapat dimengerti dalam erti mutlak, numerik, distributif, ertinya “semua” mencakupi setiap orang yang ada.

Kata “semua” juga dapat difahami dalam erti kolektif, ertinya sebahagian besar dari apa yang ada. Misal dalam Roma 5:12.18-19, Paulus menyatakan bahawa semua orang terkena dosa asal.

Kata “semua” di sini sebenarnya tidak termasuk Yesus, dan juga Adam dan Hawa sebelum kejatuhannya ke dalam dosa.

Pengertian “semua” dalam erti kolektif ini, juga digunakan dalam Rom 3:9-10, “Kita telah men-

duh, baik orang Yahudi mahupun orang Yunani, bahawa mereka semua ada di bawah kuasa dosa, seperti ada tertulis: ‘Tidak ada yang benar’, seorang pun tidak. Tidak ada seorang pun yang berakal budi, tidak ada seorang pun yang mencari Tuhan’.

Sekali lagi, kata “semua” di sini pasti tidak termasuk Yesus, Adam dan Hawa sebelum kejatuhannya ke dalam dosa. Kata “semua” dalam petikan ini harus difahami dalam erti kolektif, bukan distributif. Gereja percaya bahawa Maria sebagai Hawa Baru, juga termasuk yang tidak terkena dosa asal.

Kelima, kesucian Maria sampai akhir hidupnya ditunjukkan oleh Kej 3:15, “Aku akan mengadakan permusuhan antara engkau dan perempuan ini, antara keturunanmu dan keturunannya; keturunannya akan meremukkan kepalamu, dan engkau akan meremukkan tumitnya”.

Kata permusuhan bererti bahawa tidak ada kompromi antara kedua-duanya, atau bahawa ada pertentangan total antara kedua-duanya.

Seandainya Maria sudah jatuh ke dalam dosa, pasti permusuhan itu tidak total atau Maria sudah tunduk pada kekuasaan dosa.

Demikian pula, sapaan Malaikat kepada Maria “yang penuh rahmat” (Luk 1:28; Latin: *gratia plena*) menunjukkan bahawa dalam peribadi Maria tidak ada celah sedikit pun untuk dosa.

Gelaran “yang penuh rahmat” diberikan kepada Maria menjadi gelaran khusus kepada Maria yang menunjuk kesucian Maria. — **hidup Katolik**

Sahabat kecil Yesus


CARI 12 PERBEZAAN PADA GAMBAR DI BAWAH.




Kotak-kotak pada gambar di bawah mempunyai simbol tertentu. Bongkar simbol-simbol tersebut mengikut petunjuk yang telah disediakan.

Gunting gambar di bawah mengikut garisan. Ajaklah rakan atau keluarga adik-adik untuk bermain "cantum gambar".

- 😊 sampai
- ◆ akhir
- zaman
- ☞ kepada
- ✝ sentiasa
- 🚩 menyertai kamu
- ✋ Aku
- ⚡ Dan ketahuilah



(Matius 28:20)



Hello adik-adik,

Apa khabar? Hari Minggu Tritunggal Maha Kudus yang kita rayakan pada hari Minggu ini mengingatkan kita tentang tanda salib yang kita buat setiap kali memulakan doa atau melakukan sesuatu.

Setiap kali kita membuat tanda salib kita menyebut Bapa, Putera dan Roh Kudus.

Kita menyentuh dahi kita sambil menyebut nama Bapa, yang adalah Sang Pencipta kita dengan penuh hormat. Dengan me-

nyebut Bapa, menandakan kita percaya kepada satu Tuhan, satu iman dan satu persekutuan.

Sebagai penutup tanda salib tersebut, kita ucapkan: "Amen!" maksudnya, semoga terjadilah demikian.

Adik-adik, kita ditandai dengan berkat Tritunggal Mahakudus semasa kita dibaptis, dosa kita diampuni dan kita menerima pelbagai bentuk rahmat.

Adik-adik, mungkin sukar kita memahami makna Tritunggal Mahakudus. Mungkin kita juga sukar

menjawab soalan ini jika ada orang lain yang bertanya tentang Tritunggal Mahakudus.


Mungkin kita boleh mengatakan kepada yang bertanya: Saya tidak ada jawapan yang memadai tetapi apa yang penting ialah Tritunggal Mahakudus memberikan saya semangat untuk menyatakan iman dengan minda, cinta kasih dengan hati dan pelayanan dengan tangan kita!

Salam Sayang
Antie Melly

MARI BERDOA

Kemuliaan kepada Bapa, Putera dan Roh Kudus.

Seperti pada permulaan, sekarang dan sepanjang segala masa. Amen.



BELIA MILENIUM



PERJUMPAAN DAN PERSAHABATAN DALAM PROGRAM Hujung MINGGU

KUALA LUMPUR: Perhubungan dalam masyarakat hari ini sering mengutamakan penampilan, status dan kedudukan sosial berbanding perhubungan peribadi yang mendalam. Kecenderungan ini mungkin menghalang kita daripada membentuk hubungan yang bermakna.

Meskipun di tengah-tengah kemajuan teknologi dan jaringan sosial, rasa sunyi dan terasing tetapi dideriti ramai orang. Baru-baru ini kajian di Amerika mendedahkan kira-kira 79 setiap peratus dewasa muda berumur 18 hingga 24 melaporkan berasa sunyi atau 'kosong' manakala 41 peratus daripada warga emas berumur 66 tahun ke atas berasa kesorangan dan diabaikan.

Di sinilah CHOICE, sebuah program hujung minggu memainkan peranannya dalam membantu mencipta pengalaman

transformatif.

Program ini menggalakkan peserta menilai semula keutamaan mereka, menjalin hubungan yang lebih membahagiakan mereka dan menghargai perhubungan yang mereka miliki, menawarkan jalan keluar daripada wabak kesepian.

Program CHOICE bermula pada tahun 1970-an dengan cara pendekatan yang sangat mudah, sederhana tetapi intim, membimbing para peserta dengan asas-asas iman Katolik. Teras program ini adalah untuk menekankan kepentingan hubungan dengan keluarga, rakan, Gereja, komuniti dan Tuhan, melalui komitmen peribadi, tindakan kasih dan pelayanan kepada orang lain sejajar dengan motonya: Mengenal, Mengasahi dan Melayani (*To Know, To Love & To Serve*).

Ia diadakan pada hujung minggu agar peserta dapat melepaskan diri daripada kesibukan kehidupan bandar, membantu mereka untuk membuka minda dan merenungkan hubungan kita sendiri dengan orang lain.

Melalui interaksi dalam kumpulan, para peserta dapat bertukar-tukar pengalaman dan dalam renungan peribadi, ia membantu peserta meluahkan, bercakap dan memikirkan perkara-perkara sukar yang biasanya tidak mahu dibincangkan secara umum dalam masyarakat moden kita.

Hujung minggu CHOICE terbaharu telah menghimpunkan 38 peserta di mana selepas program, mereka mendapat pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Mereka kembali ke tempat masing-masing dengan perspektif yang diperbaharui, setelah memperdalam kesedaran diri mereka dan menjalin hubungan yang bermakna.

Nicholas Kuan menceritakan perjalanan transformasinya selepas mengikuti CHOICE pada bulan April lalu: "Ia merupakan pengalaman hujung minggu yang hebat. Walaupun program ini singkat tetapi saya menemui lebih banyak tentang diri saya sendiri, mengimbas kembali kenangan teras dan menjalin persahabatan baharu."

"Pada mulanya, saya mengikuti program

CHOICE tanpa menjangkakan apa-apa. Beberapa orang rakan saya yang pernah menyertai CHOICE menggalakkan saya untuk mengikuti program ini. Saya sangat gembira kerana telah membuat pilihan yang betul!" ujar Hannah Grace yang juga menyertai CHOICE baru-baru ini.

"Saya menyertai CHOICE tanpa kawan tetapi pada akhir program, saya mendapat 50 orang sahabat! Terima kasih CHOICE kerana memberikan saya peluang untuk mengenal diri sendiri, mengasahi dan semangat untuk melayani!" kata Hannah gembira.

Program CHOICE biasanya diadakan sekali atau dua kali setahun, dengan membuka penyertaan tidak lebih daripada 40 peserta. Ia direka khusus untuk dewasa bujang berumur 24 hingga 40, terbuka kepada pelbagai latar belakang dan etnik.

Sesi seterusnya akan dianjurkan pada bulan Ogos 2024. Buat masa ini, CHOICE aktif di beberapa keuskupan/agung iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka Johor, Kuching, Miri dan Sibul.

Belia promosi sukacita sertai pelayanan Gereja

KUCHING: Demi menjelaskan dan memperkenalkan pelayanan-pelayanan yang ada di Gereja, Komiti Alkitab dan Iman Sekolah Minggu menganjurkan sesi selama sejam di Dewan Pastoral Gereja Blessed Sacrament, baru-baru ini.

Sesi ini diisi dengan perkongsian dari perwakilan dari Pelayan Altar, Belia Emmaus, Legio Maria, Boys' Brigade dan Girls' Brigade, yang masing-masing memperkenalkan pelayanan mereka dalam

masa 15 minit.

Para perwakilan ini, menjelaskan peranan dan pelayanan mereka serta bagaimana seseorang dapat menjadi ahli dalam pelayanan itu.

Borang-borang permohonan menjadi ahli juga diedarkan kepada lebih 300 peserta yang berusia lapan hingga 18 tahun.

Ini merupakan program kedua yang dianjurkan oleh komiti Sekolah Minggu selepas pandemik Covid-19. — sumber *Today's Catholic*



Perwakilan dari Boys' Brigade dan Girls' Brigade sedang memberikan pengenalan tentang perkumpulan mereka.

Gereja perlu teologi yang berjuang dengan dunia moden

VATIKAN: Kerana iman kepada Tuhan bukan abstrak tetapi memberi kesan kepada hidup manusia dan berinteraksi dengan orang lain, maka para ahli teologi harus bekerja sama dengan mereka yang pakar dalam pengetahuan lain saat semasa mereka menyelidiki dan menjelaskan iman Kristian, tulis Sri Paus Fransiskus.

“Para ahli teolog, ibarat rombongan pengintai yang diutus Yosua untuk menjelajahi tanah Kanaan dalam Kitab Bilangan; mereka ditugaskan untuk menemukan jalan yang benar menuju inkulturasi iman,” tulis Sri Paus Fransiskus dalam pesannya kepada para anggota dari Jaringan Antarabangsa Persatuan Teologi Katolik pada Mei 10.

Jaringan tersebut, yang mencakupi Persatuan Katolik Teologi Amerika dan beberapa kumpulan serupa di seluruh dunia, mempromosikan projek penelitian kolaboratif para ahli teologi dari pelbagai budaya dan mendorong dialog dengan para akademisi dari Gereja lain, agama lain, dan pelbagai disiplin ilmu.



Sri Paus Fransiskus semasa memimpin Misa Kenaikan Tuhan pada Mei 9 di Vatikan.

Dalam teks yang telah disiapkannya, Sri Paus Fransiskus mengatakan kepada para anggota kumpulan tersebut bahawa teologi adalah “pelayanan gerejawi yang penting dan perlu,” kerana “merupakan sebahagian

dari iman Katolik kita untuk menjelaskan alasan harapan kita kepada semua orang yang bertanya.”

Namun dalam “masyarakat kita yang semakin multi etnik dan maju serta ditan-

dai oleh keterhubungan pelbagai bangsa, bahasa dan latar belakang budaya, teologi membantu umat Katolik dan Gereja menilai perubahan dan merefleksikan nilai-nilai yang diperlukan “untuk membantu membangun sebuah masa depan perdamaian, solidariti dan persaudaraan universal serta kepedulian terhadap rumah kita bersama.”

Sri Paus Fransiskus menggunakan kecerdasan buatan sebagai contoh kerana hal ini menimbulkan pertanyaan tentang “apa artinya menjadi manusia, apa yang layak bagi kudrat kita sebagai manusia, aspek kemanusiaan apa yang tidak boleh dipandang ringan kerana ia bersifat ilahi, iaitu, dicipta menurut gambar dan rupa Tuhan di dalam Kristus.”

“Di sini, teologi harus mampu menjadi pembimbing ilmu pengetahuan dan disiplin lainnya, menawarkan sumbangan bagi memastikan bahawa budaya yang berbeza bukan alasan untuk bermusuhan sebaliknya berdialog untuk membina harmoni,” ujar Sri Paus Fransiskus. — *media Vatikan*

Perselisihan liturgi Gereja Siro-Malabar adalah ‘pekerjaan iblis’

VATIKAN: Perpecahan dalam Gereja Siro-Malabar di India adalah helah iblis. Iblis itu telah meyakinkan beberapa orang, termasuk para paderi, bahawa cara mereka adalah satu-satunya cara untuk merayakan Ekaristi yang benar, kata Sri Paus Fransiskus pada Mei 12, semasa pertemuan dengan Uskup Agung Siro-Malabar Msgr Raphael Thattil dan para penziarah dari Gereja Katolik Timur.

“Menjaga persatuan bukanlah sekadar nasihat tetapi sebuah kewajiban, dan hal ini adalah berkaitan dengan para paderi yang telah bersumpah ketaatan dan umat juga berharap terhadap mereka serta mengharapakan teladan kasih dan kelembutan hati,” kata Sri Paus.

Umat Katolik Gereja Siro-Malabar di India, khususnya di Keuskupan Agung

Ernakulam-Angamaly, telah terlibat dalam kontroversi selama lebih dari dua dekad mengenai perayaan liturgi, yang mereka sebut sebagai Korban Suci.

Setelah bertahun-tahun berdebat tentang tradisi, Latinisasi dan modernisasi, pada tahun 1999 sinode para uskup Gereja Siro-Malabar mengeluarkan cara liturgi seragam bagi mengakhiri situasi di mana paderi menghadap altar semasa konsekrasi dan menghadap umat semasa liturgi sabda dan selepas komuni.

Para paderi di sebahagian besar keuskupan di Gereja Siro-Malabar mematuhi, tetapi dispensasi dikeluarkan untuk Keuskupan Agung Ernakulam-Angamaly dan beberapa wilayah lainnya, yang memungkinkan para paderi menghadap umat semasa liturgi.

Para uskup memutuskan untuk mengakhiri dispensasi itu pada November 2021 tetapi ditentang oleh sekumpulan paderi.

Dalam pertemuan dengan Uskup Agung Thattil dan para paderi Siro-Malabar di Vatikan baru-baru, Bapa Suci mendorong mereka untuk berdoa bagi mereka yang masih berbeza pendapat,

Umat beriman, kata Sri Paus, “harus memupuk rasa memiliki terhadap Gereja Katolik Siro-Malabar agar warisan liturgi, teologi, spiritual dan budayanya dapat semakin bersinar.” Sri Paus Fransiskus juga mengumumkan bahawa beliau menyokong Gereja Siro-Malabar untuk diperluaskan kepada ribuan migran Katolik Siro-Malabar yang tinggal dan bekerja di Timur Tengah. — *ucanews.com*

Pemberontak Filipina membunuh orang awam mencemaskan Gereja

PULAU NEGROS, Filipina: Kumpulan hak asasi manusia terkemuka dan Gereja Katolik telah menyuarakan kebimbangan mengenai pembunuhan orang awam dan pencabulan hak asasi yang disebabkan oleh operasi anti-pemberontakan kerajaan di Pulau Negros di

tengah Filipina.

Kumpulan pemberontak yang dipanggil Tentera Rakyat Baharu “telah mengaku membunuh sekurang-kurangnya lapan orang yang mereka tuduh sebagai pengintip,” Carlos Conde, penyelidik kanan Human

Rights Watch yang berpangkalan di New York, yang turut memberitahu *ucanews.com* pada Mei 14, “Pembunuhan yang tidak adil itu, melanggar undang-undang antarabangsa dan merupakan jenayah perang,” katanya.

Tentera Filipina juga perlu memastikan bahawa operasi menentang pemberontakannya “tidak melanggar hak asasi manusia dan mematuhi peraturan perang,” tambah Conde.

NPA, sayap bersenjata Parti Komunis Filipina, telah melancarkan perang gerila yang diilhamkan oleh Maois sejak akhir 1960-an, yang juga merupakan pemberontakan paling lama di dunia.

Ia telah ditetapkan sebagai kumpulan penganas oleh kerajaan Filipina, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Australia, United Kingdom, New Zealand, dan Kanada.

Uskup Gerardo Alminaza dari San Carlos, dalam surat pastoralnya bertarikh Mei 12, menyeru agar loceng Gereja dibunyikan di seluruh Pulau Negros setiap malam pada pukul 8.00 malam “sebagai doa untuk menamatkan keganasan” di pulau itu. — *ucanews.com*

Bapa Suci berkati ‘loceng bayi belum lahir’



VATIKAN: “Roh Kudus sentiasa menaikkan kita ke tahap yang lebih tinggi, lebih-lebih lagi terhadap orang miskin, sakit dan mereka yang lemah, seperti anak dalam kandungan.”

Sri Paus Fransiskus menyampaikan renungan itu semasa audiensi umumnya pada Mei 15.

Dalam ucapannya kepada jemaah haji Prelatus itu memuji usaha membawa loceng yang dipanggil “Suara Bayi Yang Belum Lahir” ke Kazakhstan, dengan mengatakan ia akan “berfungsi sebagai peringatan tentang kepentingan melindungi kehidupan manusia daripada pemuahan hingga kematian semula jadi.”

Menjelang Audiensi Umum, Bapa Suci memberkati loceng dan membunyikannya, ditemani dua kanak-kanak Poland.

Inisiatif ini dipromosikan oleh Yayasan *Yes to Life of Immaculate Conception of the Blessed Virgin Mary*, yang berpangkalan di Poland.

Uskup Agung Thomas Peta, Uskup Agung Metropolitan Astana, Kazakhstan, menyatakan kepada Media Vatikan bahawa mengkonsekrasikan loceng adalah “acara yang sangat berorientasikan keluarga dan peribadi.”

Mereka yang hadir dapat melihat kegembiraan besar Bapa Suci. Uskup Roma itu bersama-sama dengan kanak-kanak, membunyikan loceng. Ia merupakan satu peristiwa penting kerana persoalan mempertahankan kehidupan dari ‘pembunuhan’ seperti aborsi dan eutanasia.

Menurut Yayasan *Yes to Life*, loceng seperti ini digalakkan untuk dipasang di setiap negara untuk mengingatkan kita tentang kesucian kehidupan. — *media Vatikan*



Foto yang diambil pada Julai 30, 2017 ini menunjukkan para gerilawan Tentera Rakyat Baharu (NPA) sedang membentuk formasi di pegunungan Sierra Madre, Manila. Gambar: *ucanews.com*.

AUDIENSI UMUM HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Mengasihi adalah dorongan Roh Kudus

VATIKAN: Semasa audiensinya pada hari Rabu, Sri Paus Fransiskus merenungkan tentang amal — apa yang disifatkannya sebagai “kemuncak” kebaikan teologi — menyatakannya sebagai ungkapan cinta Kristian yang tertinggi, berdasarkan kebenaran dan sangat penting dalam pengampunan.

“Cinta adalah amal kebajikan. Kita sedar bahawa cinta adalah sukar dan mustahil untuk diamalkan jika tidak hidup dalam Tuhan. Namun sifat manusiawi kita membuatkan kita menyukai secara spontan apa yang baik dan indah,” kata Bapa Suci kepada umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto Petrus pada pagi Mei 15 di Roma.

Merujuk kepada Khutbah di Bukit dan menekankan dua perintah terutama Kristian “kasih musuhmu”, Sri Paus menyatakan bahawa ajaran ini mewakili ungkapan tertinggi kasih Kristian, kerana ia “merangkul apa yang tidak dicintai; ia menawarkan pengampunan.”

“Ia adalah semangat cinta yang sangat unggul meskipun hampir mustahil namun kasih adalah satu-satunya perkara yang akan kekal daripada kita. Kasih adalah ‘pintu sempit’ yang akan kita lalui untuk masuk ke dalam Kerajaan Tuhan.”

Melihat kepada pelbagai manifestasi cinta, Sri Paus Fransiskus menyatakan bahawa orang Kristian “mampu melakukan semua bentuk cinta di dunia” seperti yang dicurahkan kepada sahabat dan untuk semua manusia.”

Tetapi prelatus itu menekankan bahawa nilai teologi amal mendorong orang Kristian mengasihi “mereka yang tidak dikasihi” dan “mereka yang tidak mengambil berat tentang kita dan tidak



Sri Paus Fransiskus menyapa para penziarah di Dataran Sto Petrus, Mei 15, 2024.

bersyukur”.

“Dorongan ini datang daripada Tuhan, ia adalah kerja Roh Kudus dalam diri kita,” tambahnya.

Sri Paus Fransiskus juga memusatkan katekesisnya pada Surat Pertama Sto Paulus kepada Jemaat Korintus, dengan menyatakan bahawa rasul itu berbicara kepada masyarakat yang berpecah belah dan “sempurna kecuali dalam kasih persaudaraan.”

Bapa Suci menerangkan bahawa Paulus menggesa umat di Korintus untuk menerima “bukan mengasihi mereka yang kaya raya tetapi mereka yang miskin, sakit dan terabai.”

Menurut Sri Paus, “Paulus khuatir

di Korintus — seperti di kalangan kita hari ini — terdapat kekeliruan dan takut tidak ada teologi kasih sayang berlaku di Korintus. Dan kasih ini hanya datang daripada Tuhan.”

Pada akhir audiensi Sri Paus berdoa untuk mereka yang terjejas akibat banjir kilat baru-baru ini di utara Afghanistan, yang telah menyebabkan lebih 300 orang terbunuh dan lebih 1,600 orang cedera.

“Saya berdoa untuk mangsa, khususnya untuk kanak-kanak dan keluarga mereka, dan saya merayu kepada masyarakat antarabangsa untuk segera memberikan bantuan dan sokongan yang diperlukan oleh mereka,” kata Sri Paus Fransiskus. — *media Vatikan*

Cara berpakaian: penting atau tidak?

Apakah salahnya pakai baju kelawar ke Gereja? Apakah salahnya pakai pijama ke pasar? Salahkah pakai seluar pendek ke Sekolah Minggu, seluar ini mahal tau! — beginilah rungutan anak-anak muda malah orang dewasa juga merungut bila cara berpakaian mereka ditegur. Paling menyedihkan, ada yang sanggup tidak ke Gereja atau keluar dari rumah jika pakaian mereka ditegur.

Sudah tentu, aliran fesyen pakaian sekarang lebih ke arah keselesaan, ringkas dan casual.

Namun begitu, sebelum kita hanyut dalam aliran fesyen terkini, sebagai Kristian, kita perlu membuat beberapa pertimbangan, bukan sahaja cara berpakaian ke Gereja tetapi fesyen kita

semasa keluar bekerja atau berlibur.

Pertama-tama, kita adalah ikon Kristus. Apabila kita berpakaian dengan baik, kita berbuat demikian kerana kita menghiasi keindahan figura manusia yang harmoni dan mengambil kira maruah kemanusiaan kita serta menghias jasmani kita yang adalah Roh Kudus bersemayam.

Mendiagnos Sri Paus Benediktus XVI dalam “*The Spirit of the Liturgy*” mengatakan sesuatu yang menarik tentang pakaian apabila dia menyatakan dia tidak mahu perubahan sebaliknya transformasi. Dia mengharapkan kebangkitan. Oleh itu, teologi pakaian menjadi teologi tubuh. Tubuh adalah lebih daripada pakaian luaran manusia — ia adalah sebahagian daripada dirinya sendiri.

Itulah kenyataan kuat yang menghubungkan kepercayaan kita terhadap kebangkitan tubuh dengan cara kita berpakaian. Dan hal ini, patut kita renungkan.

Untuk siapa kita berpakaian elok?

G.K. Chesterton pernah menulis: Orang moden berfikir jubah St Thomas Becket kelihatan mewah tetapi makanan sehari-harinya terlalu miskin.

Namun selepas kematian martirnya, satu rahsia Thomas Becket terbongkar! Di sebalik pakaian mewahnya, dia memakai pakaian dari kain tenunan kasar yang biasa dipakai oleh pengemis. Kain jenis itu boleh menyebabkan si pemakai berasa gatal dan tidak selesa. Tetapi Thomas memakainya sepanjang masa di sebalik pakaian mewahnya.

Thomas Becket ingin memberitahu kita, pakaian mewah dan indah adalah untuk menghormati Tuhan dan orang lain. Ia bukan tanda untuk menunjukkan kemewahan sebaliknya memuliakan Tuhan.

Berbicara tentang pakaian memang tidak akan habis. Namun, sebagai Kristian, baiklah kita merenung bahasa kita menghiasi tubuh untuk mengakui bahawa kita, sesungguhnya, dicipta mengikut imej Kristus. Kita adalah ciptaan-Nya yang terbaik. Cara kita berpakaian menunjukkan bagaimana kita menghormati Tuhan dan orang lain! — *Aleteia*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Apa yang kaum muda mahu?

Di mana-mana belahan bumi ini khususnya di Barat, orang muda melaungkan suara mereka agar didengari khususnya isu-isu utama hari ini.

Sejak Perang Vietnam pada tahun 1960-an, tidak pernah timbul sebulat suara yang ditunjukkan terhadap pihak yang berperang. Tetapi sekarang sudah berubah.

Sebagai contoh, protes kaum muda terhadap perang Israel ke atas Palestin dan keterlibatan kerajaan mereka dalam perang ini telah menyebabkan beberapa universiti di Amerika Syarikat dan Eropah bergolok.

Sementara itu, nama Greta Thunberg dan Malaika Yousufzai telah mencabar pemikiran konvensional tentang ekologi dan pendidikan wanita. Tidak dinafikan, belia mahu didengari hari ini.

Semasa Sinode para Uskup tentang Belia, para Uskup mengakui “Orang muda bukan hanya masa depan kita, mereka adalah masa kini kita. Kita perlu melabur sumber terbaik kita untuk manfaat generasi muda kita.”

Tetapi, apakah yang dicari oleh golongan muda? “Pertama, kejelasan dalam ajaran Gereja, dan kaitannya dalam konteks hari ini. Dan kedua, rasa kekitaan dalam komuniti dan dilibatkan dalam proses membuat keputusan.”

Bagaimana untuk menemani belia? Orang yang lebih tua — ibu bapa, guru, paderi — harus membangunkan kemahiran komunikasi dalam dunia yang agak berbeza dengan mereka.

Kemahiran pertama ialah mendengar sebelum bercakap dan memahami sebelum menilai.

Mungkin benar, seperti yang sering dirasakan oleh orang yang lebih senior, “Kami tidak pernah melakukan ini semasa kami masih muda.” Dunia telah berubah, terutamanya dalam dua bidang ini:

Pertama, kerana penghijrahan, masyarakat bercampur, bukan terasing. Orang muda mempunyai kawan yang ibu bapa mereka tidak pernah ada (kerana sibuk mencari rezeki) dan lebih-lebih lagi, ada ibu bapa memilih untuk bekerja dan tinggal di negara asing.

Di kalangan orang Asia, orang India adalah komuniti migran yang paling pesat berkembang. Trajektori yang membawa anak muda dari kampung belajar di bandar daerah, dan kemudiannya bekerja di bandar besar. Langkah seterusnya ialah ke Teluk sebelum berhijrah ke Barat.

Kemudian, teknologilah yang menjadikan perkara lebih kecil, menjadi lebih pantas, lebih pintar dan lebih murah — sama ada kita bercakap tentang komputer riba, telefon pintar, skuter, reka bentuk fesyen atau percutian. Teknologi telah menjadikan hidup lebih mudah.

Dan yang paling penting, ia memberikan golongan muda rasa aspirasi. Bayangkan keseronokan bercakap dengan rakan di seberang dunia — dan semua ini hanya dengan menggunakan penghujung jari sahaja!

Malangnya, terdapat cabaran dalam Gereja itu sendiri misalnya krisis pedofil di kalangan klerus Katolik. Namun, saya percaya, golongan muda akan mengubah Gereja. Kita boleh lihat keinginan kuat di kalangan belia untuk keamanan dan keadilan sehingga sanggup mencabar kerajaan mereka yang terlibat dalam peperangan; mereka juga memberi tekanan kuat kepada kerajaan untuk menyelamatkan planet ini dari kemusnahan berterusan.

Beberapa tahun yang lalu, pakar psikiatri British dan ahli teologi awam, Jack Dominian, berkata bahawa terdapat tiga cabaran yang dihadapi oleh golongan muda: ketika mereka meninggalkan keluarga dan membina sendiri; seksualiti dan keintiman; dan dunia pekerjaan.

Oleh itu, dalam menghadapi cabaran ini, Gereja hendaklah berjalan bersama dengan para belia, membuka pintu dan berdialog dengan mereka. —

Fr Myron J. Pereira SJ, ucanews.com



Cara kita berpakaian menunjukkan bagaimana kita menghormati Tuhan dan orang lain.

Biografi unggul Uskup Agung Emeritus Murphy, *Agent of Change*

KUALA LUMPUR: Semasa dalam kelimah pandemik global, sekumpulan tim yang berdedikasi telah memulakan projek selama tiga tahun untuk mendokumentasikan kehidupan uskup metropolitan ketiga Kuala Lumpur, Uskup Agung Emeritus Murphy Pakiam.

Kemuncak usaha mereka ialah terbitnya biografi Uskup Agung itu pada Mei 10, bertepatan dengan jubli berlian episkopalnya.

Projek ini dimulakan oleh Uskup Agung Julian Leow, pengganti Uskup Agung Emeritus Murphy, didorong oleh Fr Dr Clarence Devadass, Pengarah Pusat Penyelidikan Katolik, biografi itu ditulis oleh tiga penulis wanita, bekas wartawan yang berpengalaman luas.

Biografi bertajuk "Agen Perubahan: Esei mengenai kehidupan dan warisan Uskup Agung Emeritus Tan Sri Murphy Pakiam" telah dilancarkan di Pusat Pastoral Keuskupan Agung yang dihadiri oleh 150 tetamu.

Dalam buku tersebut, kehidupan Uskup Agung Emeritus Murphy tidak digambarkan



Uskup Agung Emeritus Murphy Pakiam bersama tiga orang penulis biografinya. Dari kiri Theresa Manavalan, Marina Emmanuel dan Jacqueline Toyad.

dalam garis masa sebaliknya dipenuhi dengan anekdot, refleksi dan pertemuan peribadi yang mendedahkan ketekunan serta kebijaksanaan

sanaan mantan gembala agung Kuala Lumpur tersebut.

Isi kandungan biografi itu menyerlahkan

komitmen teguh beliau terhadap keadilan sosial, dialog antara agama, belas kasihan dan bagaimana kepimpinannya memberi kesan transformatif kepada masyarakat dan Gereja.

Semasa majlis pelancaran, acara dimulakan dengan ucapan Uskup Agung Julian dan Nunsio Apostolik, Uskup Agung Wojciech Zaluski. Wakil Sri Paus, Uskup Agung Wojciech seterusnya memberikan berkat kepausan sempena ulang tahun imamat Uskup Agung Emeritus Murphy yang ke-60. Kemudian Uskup Agung Julian menyampaikan kulit buku berbingkai "Agent of Change" kepada Uskup Agung Murphy.

Bagi penulis, biografi itu bukan sekadar usaha kesusasteraan tetapi perjalanan peribadi pemahaman dan empati, kejiwaan dan pengalaman yang luar biasa.

Buku *Agent of Change: Essays on the life and times of Archbishop Emeritus Tan Sri Murphy Pakiam* berharga RM20.00 dan boleh didapati/tempahan di *Catholic Research Centre* (No Tel: 03-20266472 atau WhatsApp 016-6386879).

"Buka kasut" dan dengar Roh Kudus

SANDAKAN: Membuka kasut – budaya orang Asia apabila memasuki rumah. Kasut memberi banyak makna yang tersirat seperti status, pangkat dan keberadaan peribadi.

"Membuka kasut" yang juga adalah ajakan merendahkan diri agar dapat membenarkan Roh Kudus berkarya dalam peribadi, merupakan tema sesi orientasi semasa Perhimpunan Pastoral Diosis Sandakan kali ke tiga pada Mei 3-5 lalu.

Perhimpunan Pastoral ini dibuka dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Julius Dusin Gitom. Bertepatan dengan Pesta Santo Filipus dan Yakobus, prelatus itu menyeru peserta perhimpunan untuk meneladani dua Rasul tersebut khususnya membawa Yesus kepada orang lain.

Pada hari kedua, dalam salah satu sesi, penceramah jemputan, Fr Alvin Ng menyampaikan dua topik tentang sinodaliti iaitu: Sinodaliti dalam Alkitab dan Sinodaliti: Perjalanan bersama di Diosis Sandakan.

Fr Alvin mengingatkan bahawa sesi-sesi yang disampaikan bukanlah satu perkara yang baharu namun satu peringatan dan pendalaman tentang erti sinodaliti.

Hari ketiga dimulakan dengan *Body Prayer*.

Sesi diteruskan dengan penyampaian laporan Diosis tentang Ekologi. Ekologi telah



Pertemuan Pastoral Diosis Sandakan

menjadi fokus utama bagi Diosis Sandakan bermula pada Jun 2023 sehingga Mei 2024.

Selepas mendengar laporan dan memasuki kumpulan perbincangan mengenai ekologi, Fr David Garaman mengambil alih dengan menyampaikan sesi "Langkah Ke Hadapan".

Dari isu "Ekologi", Fr David membawa tumpuan peserta beralih kepada isu "Keluarga" sebagai persiapan Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 (MPC 2026).

Beliau mengingatkan bahawa Pelan Pastoral Diosis tetap menjadi fokus utama Keuskupan Sandakan. Proses Sinode dan MPC 2026 merupakan pemangkin dan bukan pengganti kepada Pelan Pastoral Diosis Sandakan.

Anna Teresa kemudiannya menerangkan bahawa bermula Jun 2024 sehingga Mei 2025, fokus isu ialah "Keluarga".

Beliau mengongsikan tujuh langkah yang perlu diambil dalam masa 12 bulan sehingga

pertemuan semula di Perhimpunan Pastoral Diosis pada Mei 2025.

Antara tujuh langkah itu ialah *Study Day* untuk dokumen *Amoris Laetitia* (Sukacita dalam Kasih), Perhimpunan Pastoral Paroki dan Pelan Pastoral bagi Keluarga.

Setelah tiga hari berhimpun bersama, mendengar dan meraikan, Perhimpunan Pastoral Diosis Sandakan diakhiri dengan Perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Julius Dusin Gitom.

Perhimpunan Katekis Keuskupan Keningau di Purun

KUALA PENYU: Pertemuan Komisi Katekis baru-baru ini telah menyaksikan pemilihan Ahli Jawatan Kuasa Tertinggi Komisi Katekis Keuskupan Keningau yang diterajui oleh Katekis Victor S Ekgang dan

Setiausahanya Katekis Esther J. Dominik.

Pertemuan Katekis peringkat Keuskupan ini diadakan di Rumah Retret Keuskupan Keningau Purun (RRKKP).

Ini dimulakan dengan Misa Kudus yang di-



pimpin oleh Fr Roney Mailap selaku Pembimbing Rohani Komisi Katekis Keuskupan dan dibantu oleh Fr Paul Mikin, pembantu rektor paroki St Peter Bundu Kuala Penyu.

Dalam homilinya, Fr Roney Mailap menyeru para katekis agar sentiasa sedar bahawa pelayanan mereka sebagai pemimpin Ibadat Sabda, bukanlah pelayanan yang bersifat rutin atau sekadar sebuah tugas.

Para Katekis harus menjadikan pelayanan mereka sebagai saluran yang dapat membawa umat kepada pertobatan dan kembali kepada Tuhan.

Selepas Misa, para katekis dari semua paroki di Keuskupan Keningau diraikan dalam Majlis Malam Solidariti yang telah

disediakan oleh Komisi Katekis St Patrick Membakut, iaitu tuan rumah bagi pertemuan kali ini.

Pada hari kedua, pertemuan dimulakan dengan doa rosari diikuti dengan mesyuarat membincangkan perkara-perkara berbangkit dari pertemuan yang lalu.

Antara lain yang dibincangkan dalam pertemuan ini ialah pelan mewujudkan tim-tim yang baharu dalam Komisi Katekis iaitu Tim kajian teks liturgi/Ibadat sabda dan Tim pemantapan iman.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh wakil tetap dari Pusat Pastoral Keuskupan (PPK) iaitu Cikgu Fredoline Umis dan Cikgu Patrick Marius.